



TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK DR. KAMARUDIN BIN MIN

PENGARAH INTAN

SEMPENA

**PROGRAM INTAN EXECUTIVE SEMINAR SERIES
(LANGUAGE) TAHUN 2021**

BERTEMAKAN

**“KUASAI PELBAGAI BAHASA: KESEDIAAN
PEGAWAI AWAM”**

21 MEI 2021 (JUMAAT)

9.00 PAGI

SECARA DALAM TALIAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Yang Berusaha Puan Salinah binti Ismail
Timbalan Pengarah Kanan
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN),

Yang Berusaha Dr. Kadeessa binti Abdul Kadir
Ketua Kluster Kecemerlangan Bahasa,

Ketua-ketua Kluster,

Felo-Felo Penyelidik Kanan INTAN,

Pengarah-pengarah INTAN Kampus Wilayah,

Penceramah-Penceramah,

- i. YBrs. Dr. Hazami Bin Jahari
Pengarah Jabatan Pengembangan Bahasa dan
Sastera
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- ii. Puan Rasyidah Abu Johan
Penyampai Berita Mandarin
Radio dan Televisyen Malaysia (RTM)
- iii. YBhg. Datuk Eric Chong
Pengasas dan Pengarah Urusan
Erican Education Group

Wakil-wakil Kementerian dan Jabatan,

Seterusnya hadirin-hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan
selamat pagi.

KATA ALU-ALUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin serta limpah kurnia NYA dapat kita bersama-sama hadir bagi menjayakan **Program INTAN Executive Seminar Series (Language) Bertajuk Kuasai Pelbagai Bahasa: Kesediaan Pegawai Awam** meskipun dalam norma baharu ekoran pandemik COVID-19.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua panel penceramah yang hadir kerana sudi meluangkan masa bersama-sama kita pada hari ini. Terima kasih juga kepada hadirin yang mengikuti secara dalam talian. Program ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa sokongan daripada kalian semua. Semoga perkongsian ilmu pada pagi ini menghasilkan impak yang terbaik kepada kita semua.

Hadirin yang saya hormati,

LATAR BELAKANG PENGANJURAN SEMINAR

3. Seminar ini merupakan penganjuran pertama seminar sebegini di INTAN dan saya jangkakan ia bukan yang terakhir. Tema seminar pada hari ini iaitu **“Kuasai Pelbagai Bahasa: Kesediaan Pegawai Awam”** bertujuan untuk memberi fokus kepada kemahiran pelbagai bahasa atau *multilingualism* dalam perkhidmatan awam serta impaknya kepada penyampaian perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negara. Ia juga adalah bagi meningkatkan kesedaran mengenai kelebihan-kelebihan dalam menguasai pelbagai bahasa dalam perkhidmatan awam.

4. Tema seminar kita pada hari ini bersesuaian dengan matlamat INTAN sebagai pusat kecemerlangan atau *Centre of Excellence* (CoE) dalam aspek latihan kebahasaan. Pada tahun 2020, walaupun ketika negara dilanda gelombang pandemik COVID-19, INTAN masih

berjaya menganjurkan sebanyak 69 kursus kebahasaan secara hibrid dan dalam talian serta berjaya menarik sehingga 1,646 peserta daripada pelbagai agensi dan kementerian daripada seluruh negara. Pada masa akan datang, INTAN berhasrat untuk mengembangkan lagi kursus-kursus dalam pelbagai bahasa agar dapat melahirkan lebih ramai penjawat awam yang *polyglot* ataupun berkeupayaan bertutur pelbagai bahasa.

Hadirin yang dihormati,

KELEBIHAN MENGUASAI PELBAGAI BAHASA BAGI PEGAWAI AWAM

5. Penguasaan pelbagai bahasa adalah satu topik yang tidak lapuk ditelan zaman. Pelbagai pihak termasuklah ahli akademik dan pakar bahasa bersetuju bahawa menguasai lebih daripada satu bahasa dapat memberi impak yang sangat positif dalam diri individu. *There are many benefits to speaking another language. One benefit is it enhances cognitive flexibility which makes us more*

creative in problem solving. Penjawat awam yang kreatif dalam menyelesaikan masalah akan lebih cekap, pantas dan berkesan dalam menangani pelbagai isu yang dihadapi dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

6. Di samping itu, ilmu pengetahuan dalam sesuatu bahasa dapat dijana dan digunakan secara menyeluruh. Sebagai contoh bagi Muslim, dengan menguasai bahasa Arab, kita mampu untuk memahami isi kandungan kitab suci Al-Quran justeru memberi nilai tambah kepada penghayatan *spiritual* sendiri. Selain itu, mempelajari bahasa lain selain bahasa ibunda membantu kita untuk memahami sosiobudaya masyarakat yang bertutur bahasa tersebut. Impaknya, nilai positif seperti semangat bekerjasama dan berkompromi dapat diterapkan dalam menjamin keharmonian negara. *Nelson Mandela once said, “If you talk to a man in a language he understands, that goes to his head. If you talk to a man in his own language, that goes to his heart”.* *Knowing how to speak several languages increases our ability to understand and empathise other cultures, while*

broadening our own worldview. If every single civil servant is able to speak at least three languages, we will be able to increase our leveraging power in the international community.

7. Dengan menguasai pelbagai bahasa juga, kita akan lebih maju daripada segi kerjaya. Contohnya syarikat Rosetta Stone Inc. iaitu syarikat aplikasi premium pembelajaran bahasa asing di Amerika Syarikat berkongsi melalui majalah Forbes bahawa hampir 35 peratus pengguna aplikasi mereka mengambil tindakan berikut kepada pekerja atau bakal pekerja mereka yang menguasai lebih daripada satu bahasa:

- a. Mereka menawarkan sesi temu duga kepada calon yang menguasai pelbagai bahasa;
- b. Mereka menawarkan pekerjaan kepada calon yang menguasai pelbagai bahasa;
- c. Mereka mengesyorkan kenaikan pangkat; dan
- d. Mereka mengesyorkan kenaikan gaji.

Tuan-tuan dan puan-puan,

**KELEBIHAN MENGUASAI PELBAGAI BAHASA BAGI
EKONOMI NEGARA**

Bagi meraikan tema seminar ini iaitu kepelbagaian bahasa, izinkan saya meneruskan ucapan ini dalam Bahasa Inggeris pula.

8. Beyond benefits for individuals, multilingualism can boost economic growth. Many research and articles link multilingualism with economic performance. To compete in the global market, there are instances where English is not sufficient to get a competitive edge. Knowing the language of your business partners allows you to understand their cultures, therefore, the way they conduct business.

9. In one study, it was found that Switzerland attributed 10% of its GDP to its multilingual workforce. This may be partly because languages can help build trade relations. Companies which invested more in languages were able to export more goods. On the other hand, a study reported that UK and US businesses are losing out due to lack of language skills and cultural awareness in their workforces.

10. Former Chancellor of Germany, Willy Brandt famously said, ***“If I am selling to you, I speak your language. But if I’m buying, dann müssen sie Deutsch sprechen (dan misn zi doish shprechn) (then you have to speak German)”***. People like to speak in their language and are more talkative in their language. This is how international business relationships are forged. Following this mantra, Mark Zuckerberg is learning Mandarin because of his wife’s Chinese heritage but also because his company is attempting to penetrate the China market.

Commented [U1]: Excellent point!

11. With a multilingual workforce, specifically multilingual public servants, Malaysia too, can reap a range of rewards, from a more innovative workforce to more successful international trades.

Ladies and gentlemen,

KEPELBAGAIAN BAHASA MENYATUPADUKAN RAKYAT

12. Looking back, during its glory years, it was recorded that at least 84 languages were spoken in Melaka at that time. Yet, it did not hinder trading activities but instead it made Melaka one of the busiest trades entrepôts. Malaysians have inherited that ancient diversity because to this day most Malaysians can communicate in more than one language and are comfortable alternating between languages or code switching.

13. In Malaysia, being able to understand each other's cultures helps in closing the gap between the many

different cultures. The gap can be further bridged when we are able to communicate in each other's mother tongue. For example, only in Malaysia can we say, ***“Macha, you want to makan here or tapau?”*** that comprises Tamil, English, Malay and Chinese words yet still make total sense. Only Malaysians can produce perfectly comprehensible sentences comprising four different languages.

14. Sudah tentu, usaha untuk menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum melalui pembelajaran pelbagai bahasa ini mampu menghindarkan pergolakan berlaku yang akan memberi impak negatif dalam kesejahteraan dan pembangunan ekonomi negara.

Hadirin yang dihormati,

PENUTUP

15. Mempelajari bahasa lain ibarat menyelami jiwa bangsa tersebut. Dalam hal ini, kita dapat lihat kepentingan penguasaan kepelbagaian bahasa terutamanya sebagai penjawat awam. Ia menjadikan kebolehan berfikir seseorang individu itu lebih fleksibel dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang dan dapat menyumbang kepada perdagangan antarabangsa.

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para penceramah, hadirin yang menyertai program ini secara dalam talian dan semua pihak yang memberikan sokongan dan komitmen dalam menjayakan seminar pada pagi ini. Diharapkan program ini akan dapat memberi kesedaran akan kepentingan menguasai pelbagai bahasa di kalangan penjawat awam.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.